

09 JUN 2002

Ling - MCA

TUMPUKAN KEPADA PERKARA YANG LEBIH BERFAEDAH, KATA PRESIDEN MCA

KOTA KINABALU, 9 Jun (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik menyeru anggota parti itu agar memberi tumpuan kepada perkara yang lebih berfaedah dari asyik berkelahi sesama sendiri.

Parti memerlukan sumbangan besar dari anggota bagi memastikan program seperti penubuhan Universiti Tunku Abdul Rahman and Kolej Tunku Abdul Rahman (KTAR) di Sabah dapat dilaksanakan, katanya kepada pemberita selepas merasmikan konvensyen MCA Sabah 2002 di sini hari ini.

Cawangan KTAR di Sabah bermula pertengahan bulan lepas di mana 36 pelajar yang mengambil kursus perniagaan dan perdagangan menumpang bangunan Sekolah Menengah Kian Kok di sini.

Bagaimanapun, Dr Ling berkata, keadaan dalam MCA menjadi bertambah baik sejak pelan perdamaian yang dikemukakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad diterima oleh kedua-dua belah pihak dalam parti itu.

Beliau berkata: "Saya fikir kebanyakan mereka (anggota akar umbi) menerima baik pelan perdamaian sebab mereka mengetahui tidak elok membuang masa berkelahi sesama sendiri dalam sebuah keluarga."

Dr Ling berkata, beliau percaya sejak pelan perdamaian itu diterima oleh pimpinan pusat MCA, sebanyak 99.9 peratus pemilihan cawangan parti dapat disempurnakan.

Katanya, pemilihan bahagian juga hampir selesai dengan hanya tiga atau empat lagi bahagian dari 166 bahagian, perlu dijalankan.

Dr Ling turut gembira dan berpuas hati dengan perpaduan dan semangat kerjasama yang ditunjukkan oleh MCA Sabah.

-- BERNAMA

MK HM